



UNIVERSITI
MALAYA



BULETIN UMCares

BIL 2/2018

KANDUNGAN



Perutusan Pengarah

1-2



Asian Students Environment Platform (ASEP) 2018

3-4



DIY Made Simple 2018- Rock your School with DIY

5-8



Perlawanan “Walking Football” Peringkat Kebangsaan

9-10



Persidangan Akademia-Komuniti Universiti Malaya (PAKUM) 2018

11-12



Inspirasi

13



Publisiti

14-20



Perkongsian Ilmu

21-22



Lensa

23-28

SIDANG PENGARANG



Penasihat

Prof. Dr. Norzulaani Khalid



Editor

Nor Azlin Mat Radi



Penolong Editor 1

Muhammad Asyraf Mansor @ Noordin



Penolong Editor 2

Muhamad Khairul Anuar Senin



Pereka Grafik

Muhammad Asqalani Hamizi



Jurufoto

Siti Khatijah Hamat



Pengumpul Data

Nor Izuana Alias

UMCares mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan artikel dan rencana daripada warga UM.
Sidang pengarang berhak menyunting setiap artikel sebelum diterbitkan.



PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum & Salam sejahtera,

Bertemu kita sekali lagi dalam Buletin UMCares Edisi 2 bagi tahun 2018. Saya berasa gembira kerana buletin ini dapat meneruskan peranannya menyalurkan pelbagai berita dan maklumat berkenaan aktiviti jalinan masyarakat untuk perkongsian warga kampus dan komuniti luar.

Tahun 2018 telahpun melabuhkan tirainya. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan dan disertai oleh UMCares yang melibatkan bukan sahaja warga kampus, malah masyarakat luar seperti murid sekolah, industri dan komuniti setempat. Perincian aktiviti terkandung di dalam buletin ini. Aktiviti-aktiviti tersebut bukan sahaja terhad di dalam negara malahan negara luar juga. Berkenaan dengan geran komuniti, peratusan permohonan geran telah meningkat sebanyak 75.4%. Pada tahun ini, jumlah geran diluluskan adalah 53 projek yang melibatkan penyelidik dari pelbagai fakulti. Saya merasa bangga apabila projek komuniti bertajuk "Walking football: Fat to fit for better personal health" berjaya menerima pengiktirafan antarabangsa dari RCE Networks. Ini membuktikan impak projek komuniti UM mencapai tahap yang membanggakan.

Pada tahun ini, UMCares telah mencapai prestasi yang amat baik apabila menerima tajaan kira-kira RM150 ribu untuk membiayai projek komuniti berprofil tinggi iaitu Mr DIY Made Simple dan Walking football. Sumbangan diterima dari pihak kerajaan dan industri iaitu Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO), Mr DIY Sdn Bhd, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd., Cheetah Corporation (M) Sdn. Bhd. dan Tesco Malaysia Sdn. Bhd. Kita juga berbangga kerana penyelidik kita berjaya mendapat sumbangan dana khas dari industri besar seperti UMW Toyota Motor Sdn Bhd dan syarikat ON Semiconductor.

Keterlihatan projek komuniti UMCares di dalam media cetak mahupun media elektronik pada tahun ini juga amat membanggakan. Kira-kira lebih 50 hebahan media cetak dan elektronik dicatatkan pada tahun ini dengan purata 1 hebahan bagi setiap projek. Melalui ruang publisiti seperti ini, maklumat berkenaan usaha dan inisiatif kita dapat disampaikan kepada masyarakat umum.

Akhir kata, saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama bekerjasama dan berusaha agar UM terus cemerlang dan seterusnya membantu masyarakat melalui pemindahan ilmu pengetahuan dan kepakaran masing-masing.

Sekian, terima kasih.





Asian Students Environment Platform (ASEP) 2018

1

Asian Students Environment Platform (ASEP) adalah program tahunan anjuran Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun (AEON Environmental Foundation Japan) bagi menerapkan semangat cintakan alam sekitar di kalangan pelajar universiti. Pada tahun ini dengan bertemakan “Gift from Rainforest”, pihak AEON telah memilih Malaysia untuk menjadi tuan rumah dan Universiti Malaya (melalui Pusat Komuniti dan Kelestarian UM-UMCares) sebagai sekretariat bagi program ini. Program yang diadakan bermula 1 hingga 5 Ogos 2018 melibatkan seramai 72 orang mahasiswa dan mahasiswi dari 9 negara Asia iaitu Jepun, Cambodia, Indonesia, Korea, Myanmar, Thailand, Vietnam, China dan Malaysia. Dr. Fathiah Mohamed Zuki (dari Fakulti Kejuruteraan UM) dilantik menjadi Penyelaras bagi program ini.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang 5 hari program ASEP 2018. Para pelajar dibawa ke kawasan perhutanan di Rimba Ilmu Universiti Malaya serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk mengenali hutan hujan tropika yang ada di Malaysia dengan lebih dekat lagi. Sebagai tanda sumbangan kepada alam sekitar, kesemua pelajar ini telah menanam 200 anak pokok serta melakukan pembersihan di kawasan pantai di Kuala Selangor. Penglibatan pelajar dari pelbagai negara ini telah memberi peluang kepada mereka untuk bertukar pendapat tentang aktiviti dan inisiatif pemuliharaan alam sekitar di negara masing-masing. Program ini juga telah mendapat liputan meluas dari media luar.



▶ Penanaman pokok
di Kuala Selangor



▶ Sesi Bergambar pada Majlis Penutup Asian Students Environment Platform 2018



DIY Made Simple 2018- Rock your School with DIY

2

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan "DIY Made Simple 2018-Rock your School with DIY" telah diadakan pada 24 Oktober 2018 di Auditorium, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (KPPI) UM. Pertandingan yang bermula sejak bulan Mei 2018 merupakan pertandingan rekacipta untuk menambahbaik prasarana atau ruang sekolah dengan menggunakan bahan kitar semula secara "do-it-yourself" (DIY). Pertandingan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu pertama, terbuka kepada pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia dan kedua, khusus untuk pelatih guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT). Keunikan program ini antaranya ialah penerapan budaya rekacipta melalui pembentangan idea menggunakan medium videografik dan seterusnya penghasilan produk dan prototaip oleh peserta di bawah bimbingan mentor masing-masing. Mentor adalah terdiri daripada pensyarah dari Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya dan dibantu oleh pensyarah IPGKPT sebagai ko-mentor.

Tahun 2018 merupakan tahun kedua pertandingan ini dijalankan dengan bantuan dana dari Mr D.I.Y Trading Sdn. Bhd. Ternyata program berbentuk "experiential learning" ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di Malaysia apabila sebanyak 47 buah sekolah menyertai fasa pertama. Namun, hanya 8 sekolah sahaja yang dipilih untuk mara ke fasa kedua. Tahun ini juga membuktikan kejayaan program ini apabila mendapat penyertaan daripada IPG dengan bantuan dana dari Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO). Selain daripada menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif, program ini juga mempertingkatkan kemahiran insaniah (soft-skills) seperti kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan dan kepimpinan para peserta. Program ini juga membuktikan kerjasama empat hala di antara universiti, kerajaan, industri dan komuniti mampu dilaksanakan dengan jayanya atas komitmen semua pihak yang terlibat.

KEPUTUSAN DIY MADE SIMPLE 2018- PERINGKAT SEKOLAH

Kategori	Sekolah
Video yang mendapat “like” terbanyak di YouTube - Fasa 1	SMK Jalan Kebun
Tempat Pertama	SMK Tun Perak, Rawang
Tempat Kedua	SMK Agama Nurul Ittifaq, Terengganu
Tempat Ketiga	SMK Alma, Pulau Pinang
Tempat Keempat	SMK Bandar Utama Damansara 3

KATEGORI KHAS

“The Best Community Participation”	SMK Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya
“The Best Workmanship”	SAM Bestari, Subang Jaya
“The Best Consumer Friendly”	SMK Jalan Kebun, Shah Alam
“ The Best Video Presentation”- Fasa 1	SMK Seri Tanjong, Melaka


KEPUTUSAN DIY MADE SIMPLE 2018- PERINGKAT INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK

TEMA RUANG

Kategori	Kumpulan
Tempat Pertama	I Love Saspa
Tempat Kedua	Brainy Neutron
Tempat Ketiga	Techovators

TEMA DIGITAL

Kategori	Kumpulan
Tempat Pertama	Scienlicious
Tempat Kedua	Lanio
Tempat Ketiga	My Team





DIY Made Simple 2018- Rock your School with DIY

2



Juri pertandingan sedang mengadili produk yang dihasilkan oleh pihak sekolah.





Sesi bergambar pada Majlis Penutup DIY Made Simple 2018



Perlawanan “Walking Football” Peringkat Kebangsaan

3

“Walking football” merupakan sukan baru di Malaysia. Dimulakan pada tahun 2017, penyelidik dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya iaitu Dr. Haireen Abdul Hadi telah mengadaptasikan sukan “Walking Football” dari sebuah kelab bola sepak tempatan di United Kingdom yang dijalankan bagi membantu ahli mereka yang berumur 50 tahun ke atas melakukan aktiviti fizikal.

Menggunapakai konsep yang sama, Dr. Haireen Abdul Hadi telah memperkenalkan “Walking Football Club” kepada murid-murid sekolah rendah yang mempunyai masalah berat badan berlebihan. Dalam program ini, para pelajar yang dikenalpasti perlu menjalani latihan selama tiga bulan dengan bantuan guru sekolah masing-masing. Maklumat fizikal seperti indeks jisim badan (BMI) direkodkan sebelum dan selepas sesi latihan bagi tujuan rekod dan analisis.

Peringkat awal pelaksanaan program pada tahun 2017 telah dilaksanakan dalam skala kecil dengan penglibatan sebanyak 8 buah sekolah sekitar Lembah Kelang. Pada tahun ini, program ini diteruskan lagi dengan melibatkan seramai 84 orang murid dari 7 buah sekolah rendah di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Penyertaan sekolah dari Pulau Pinang merupakan hasil hubungan kerjasama di antara Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) melalui rangkaian jalinan komuniti “Regional Centres of Expertise (RCE)”.

Ternyata program ini menunjukkan impak positif kepada para pelajar yang sebelum ini menghadapi masalah untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. Inisiatif ini secara tidak langsung membantu sekolah dan pelajar untuk mencapai sasaran “1 Murid, 1 Sukan”.

Sukan “Walking Football” memberikan impak yang holistik di mana ia bukan sahaja membantu menangani masalah kegemukan di kalangan pelajar sekolah, malah membantu meningkatkan tahap kecerdasan, tumpuan terhadap pelajaran, dan hubungan di antara pelajar terlibat dengan keluarga, guru dan rakan-rakan. Pelajar menjadi semakin aktif dan apa yang lebih penting, keyakinan diri mereka juga semakin meningkat. Perubahan positif ke atas murid diperakui oleh guru-guru serta ibu bapa yang ternyata amat gembira dengan perkembangan positif pelajar yang terlibat.

Pelaksanaan awal program “Walking Football” dijalankan menggunakan peruntukan geran jalinan masyarakat yang disalurkan oleh UM melalui Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau UMCares. Demi memastikan kelestarian program, UMCares telah mendapatkan sumbangan dari industri yang berkaitan untuk turut bekerjasama dalam program ini. Keunikan program ini dibuktikan apabila berjaya menarik syarikat seperti Cheetah Holding Berhad, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd. dan Tesco Malaysia untuk bekerjasama dalam program tahun ini. Penglibatan sekolah-sekolah pula dibantu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di seluruh Malaysia.

Sukan “Walking Football” ternyata menunjukkan impak positif bukan sahaja terhadap murid yang terlibat, malah turut berjaya menyatukan universiti, kementerian, industri dan masyarakat. Kerjasama ini membuktikan keprihatinan pihak-pihak yang terlibat terhadap pelajar sekolah sebagai generasi muda yang sedang meningkat membesar. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan serta diperluaskan lagi ke arah melahirkan warga Malaysia yang cergas, sihat dan aktif.

KEPUTUSAN PERTANDINGAN “WALKING FOOTBALL” PERINGKAT KEBANGSAAN.

JOHAN

SK Minden Heights, Pulau Pinang

NAIB JOHAN

SK Seksyen 7, Kota Damansara

TEMPAT KETIGA

SK Damansara Utama

SAGUHATI

SK Seksyen 9, Kota Damansara



Koleksi gambar ketika pertandingan Walking Football berlangsung



Persidangan Akademia-Komuniti Universiti Malaya (PAKUM) 2018

4

Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau UMCares telah mengadakan persidangan khas kepada para penyelidik UM dan universiti lain untuk berkongsi tentang projek komuniti yang dilaksanakan. Dikenali sebagai PAKUM atau Persidangan Akademia-Komuniti Universiti Malaya, tahun 2018 merupakan tahun ketiga persidangan ini dianjurkan. Tema pada tahun ini merupakan “Kerjasama Strategik Memajukan Masyarakat” dan telah diadakan pada 18 hingga 19 Disember 2018 di The Everly Hotel, Putrajaya. Seramai 80 orang yang terdiri daripada para penyelidik, pelajar, wakil kerajaan dan industri telah menyertai persidangan ini.

PAKUM merupakan platform untuk bertukar ilmu, pengetahuan dan amalan terbaik dalam melaksanakan projek komuniti. Ia juga bertindak untuk memberi ruang bagi menilai dan memantau projek CE UM supaya projek dapat diperbaiki untuk mencapai target dan impak yang dirancang. Keseluruhannya, sebanyak 39 pembentangan projek komuniti telah dibentangkan di bawah 9 kluster iaitu pendidikan, pembangunan luar bandar, pembelajaran alam bina, kebajikan sosial, keusahawanan, pembangunan alam sekitar, sukan dan rekreasi, ICT dan teknologi, serta kesihatan. Selain itu, pertandingan pembentangan poster turut diadakan dan berikut adalah senarai pemenang;

PEMENANG PERTANDINGAN POSTER PAKUM 2018

TEMPAT PERTAMA

Dr. Donnie Adams
(Ecotherapy: Nature-Based Learning and Play for Children with Special Educational Needs)

TEMPAT KEDUA

Dr Adelina Asmawi
(Pearl Project: A Taste of Milo for Elt Module Development)

TEMPAT KETIGA

Dr Aishah Binti Ahmad Fauzi
(Participate In Praktif)



Suasana semasa persidangan sedang berlangsung di Everly Hotel, Putrajaya.



Toyota Classics 2018 Sponsorship



(Sumber: The Star online)

Penerima:

Dr. Jeyraj Selvaraj,
Pusat Pengkhususan Tenaga Kuasa Termaju
Universiti Malaya (UMPEDAC).

Tajuk Projek:

Development of an Innovative Technology
for Solar Photovoltaic Thermal Cooling
System

RCE Award for Innovative Projects on Education for Sustainable Development



Penerima:

Dr. Haireen Abd Hadi,
Fakulti Perubatan.

Tajuk Projek:

Walking football: Fat to fit for better
personal health.

Tarikh	Tajuk Akhbar/ Siaran	Tajuk Berita	Nama Penyelidik
5/7/2018	Selamat Pagi Malaysia	DIY Made Simple 2018 - Rock Your School With DIY	Prof. Dr. Norzulaani Khalid & Dr. Nurshuhada Zainon
6/7/2018	Sinar Harian (Portal Kampus)	UM Bantu Doktor Kendali Kesan Makan Cendawan Beracun	Dr. Phan Chia Wei
9/7/2018	Harian Metro	Unik dan Menarik	Dr. Rozita Che Omar
16/7/2018	BERNAMA Radio: Ala Carte Pagi	DIY Made Simple 2018 - Rock Your School With DIY	Prof. Dr. Norzulaani Khalid
16/7/2018	BERNAMA TV: Nine 11: Sembang Apa?	DIY Made Simple 2018 - Rock Your School With DIY	Prof. Dr. Norzulaani Khalid
16/7/2018	Kosmo	Selami Budaya Sepanyol Menerusi Tarian Flamenco	Dr. Rozita Che Omar
30/7/2018	Kosmo	Walking Football Bantu Murid Sekolah Tangani Masalah Obesiti	Dr. Haireen Abdul Hadi
3/8/2018	Sin Chew Daily	ASEP; Participants Learning Biological Protection	Dr. Fathiah Mohamed Zuki
6/8/2018	The Star	Myanmar Varsity Joins Green Platform	Dr. Fathiah Mohamed Zuki
7/8/2018	Metro	Pembelajaran Menerusi Lukisan	Prof. Madya Dr. Roslinda Ithnin
8/8/2018	Berita Harian	ASEP Didik Belia Peka Isu Alam Sekitar	Dr. Fathiah Mohamed Zuki
8/8/2018	Kosmo	<i>Menyelami Dunia Si Penghisap Darah</i>	Dr. Zubaidah Ya'cob
20/8/2018	Kosmo	Perkasa Pendidikan STEM Melalui Seni Lukis	Prof. Madya Dr. Roslinda Ithnin
22/8/2018	SelangorKini	Tourism Selangor dan AEON kerjasama pelihara alam sekitar	Dr. Fathiah Mohamed Zuki
10/9/2018	Metro	Kembalikan Tradisi Anyaman	Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman
24/9/2018	Asia Research News Online	Walking Football for Active Lifestyle Among Children	Dr. Haireen Abdul Hadi
9/10/2018	Sinar Harian (Portal Kampus)	UM dan SMK SAS Reka Perabot dari Bahan Terbuang untuk Rumah Kebajikan	Dr. Nurshuhada Zainon
12/10/2018	Sinar Harian (Portal Kampus)	UM dan Industri Terap Kepentingan Tenaga Boleh Baharu Melalui kit Lampu Solar	Dr. Zul Ilham Zulkiflee Lubes
19/10/2018	Sinar Harian (Portal Kampus)	Projek Pearl Bantu Murid Kuasai Bahasa Inggeris	Dr. Adelina Asmawi
24/10/2018	News Straits Times	Rawang School Beats 46 Competitors to Win DIY Contest	Dr. Nurshuhada Zainon
26/10/2018	Sin Chew Daily	Ditaja oleh MR DIY- Pertandingan Inovasi Alam Sekitar Kampus Berakhir	Dr. Nurshuhada Zainon
2/11/2018	China Press	MR DIY Membantu Sekolah Melindungi & Memperkukuhkan Kesedaran Alam Sekitar	Dr. Nurshuhada Zainon
7/11/2018	Utusan Malaysia	Pesakit Lumpuh Disantuni	Dr. Nasrul Anuar Abd. Razak
8/11/2018	The Sun	Encouraging Creativity and Innovation	Dr. Nurshuhada Zainon
11/11/2018	See Hua Daily News Sabah	MR DIY Menaja Perlindungan Alam Sekitar Kampus	Dr. Nurshuhada Zainon
30/11/2018	The Star	Enjoying Football at Walking Pace	Dr. Haireen Abdul Hadi



(From left) Hayashi, Cambodian ambassador to Malaysia Rith Many, Prof Faisal Rafiq, Science, Technology and Innovation Ministry deputy secretary-general Assoc Prof Dr Ramzah Dambul and Minister Counselor from Embassy of Japan Hiroaki Onikasa at the 7th Asian Student Environment Platform 2018.

Myanmar varsity joins green platform

Programme aimed at developing global leaders in environment sees participation from nine countries

By DOUGLAS ELLIOT
douglasselliot@thestar.com.my

OVER the years, the focus has been on climate change and with the United States backing out of the Paris Agreement, it is more important than ever for us to take care of our environment. Based on Aeon's principle of pursuing peace, respecting humanity and contributing to local communities, the Aeon Environmental Foundation was formed.

"As you all know, the world we live in faces a multitude of environmental problems of global proportions," said Aeon Environmental Foundation executive director Naoki Hayashi.

"There are no national borders when it comes to environmental problems. A global outlook and a coordinated and continuous international effort that transcends boundaries and generations are required," he said.

Knowing the importance of environmental conservation, Aeon Environmental Foundation has set up the Asian Students Environment Platform (ASEP) to develop future global leaders in the field of environment.

Established in 2012 in Japan, the annual programme had a humble beginning with only three countries participating in the first meeting.

To-date, the number has grown to include 72 university students from nine countries,

and universities across the region such as South Korea, Japan, China and Thailand, with Myanmar's Yangon University of Economics joining the ranks as the latest newcomer.

Universiti Malaysia deputy vice-chancellor Prof Dr Faisal Rafiq Mahamad Adnan, who thanked the foundation for choosing UM as the host for the 7th ASEF this year, said UM was the only university in Malaysia with treehouse, maze and 80ha of botanical garden, Rimba Limu.

The university is ranked the greenest city centre university in Asia and sixth in the world under the UI Green Metric World University Ranking.

Under the theme "Gifts from the Tropical Rainforest", participants conducted fieldwork on the outskirts of Kuala Lumpur and learned about the country's biodiversity.

Among the highlights of the four-day programme, which ends tomorrow, is a tree-planting activity in Kuala Selangor. Conducted by Aeon Co (M) Bhd, the tree-planting aims to conserve the breeding habitat of fireflies.

Started in the 1960s, the programme thus far has seen the planting of more than 11,666,762 trees around the world.

Participants also visited the Forest Research Institute Malaysia (FRIM), mangrove forests, and the Mah Meri Cultural Village, among others.



The winning team with Chin (standing, fourth left).

The plastic bottle roof created by the winning team.

Encouraging creativity and innovation

UNIVERSITY of Malaysia's UMCares - The Community & Sustainability Centre with MR. DIY Trading Sdn Bhd, had the "DIY Made Simple - Rock your School with DIY" competition recently.

The programme, which was held for the second time at the university, aimed to encourage creativity and innovation among students while developing their soft skills such as communication, teamwork and leadership.

A team of eight students from SMK Tun Perak won the first prize of RM4,000 in cash, RM1,000 MR. DIY vouchers, a trophy and a certificate.

The students created a roof over an empty space between the Academic and Laboratory building of their school using plastic bottles. The students stayed back after school hours, sometimes

until the night and over weekends, to finish the project and their hard work paid off.

"We really did not expect to win," said Kishenbra who led the team. "We are all excited to get first place."

Kishenbra said they came up with the idea to recycle plastic bottles to reduce the amount of carbon dioxide, and used about 4,000 bottles to create the roof while PVC pipes were used for the structure.

The competition is divided into two categories. The first is open to secondary school students while the other is open to training teachers at Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPG KPT).

The competition required participants to design for the improvement of an infrastructure or any space in their school using

the do-it-yourself method.

MR.DIY's head of marketing Andy Chin said the idea behind organising the competition is to uncover talent, creativity and innovation among school students.

"We sponsored RM78,800 for the competition, including the UM Tropical Camp, which was held two days before the competition," Chin said. He hopes the competition would become a catalyst among youths to embrace the do-it-yourself culture.

UMCares - The Community and Sustainability Centre director Prof Dr Norzulaani Khalid said 47 schools participated but only eight were selected.

However, she said all participants are winners and she is confident they have gained valuable knowledge and experience through this programme.

ASEP didik belia peka isu alam sekitar

➔ Mahasiswa dari 9 negara ambil bahagian kaji hutan hujan tropika

Oleh Meor Ahmad Nasrin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Buat julung kalinya, Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun menganjurkan Asian Students Environmental Platform (ASEP) Ke-7 2018 di negara ini, sebagai usaha mendidik generasi muda lebih peka terhadap alam sekitar.

Program yang dilancarkan pada 2012 itu memberi peluang kepada mahasiswa dari beberapa negara di Asia mengikuti pelbagai aktiviti akademik atau khidmat komuniti khusus bagi menanganis isu alam sekitar.

Pengarah Eksekutif Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun, Naoki Hayashi, berkata pihaknya terus komited melaksanakan aktiviti berbentuk kelestarian alam bagi memastikan keharmonian dan kebajikan generasi masa depan. "Seramai 72 pelajar universiti dari sembilan negara akan menjalankan kerja lapangan dengan bertema-



Info

➔ UM adalah satu-satunya wakil Malaysia ke ASEP sejak 2014.
➔ ASEP dilaksanakan di Beijing, China (2014), Hanoi, Vietnam (2015), Waseda University, Tokyo (2016 & 2017)

Naoki Hayashi (tengah) dan Faisal (empat kiri) bersama-sama mahasiswa dari sembilan negara yang mengadakan lawatan di UM, baru-baru ini.

kan 'Hadiah dari Hutan Hujan Tropika' yang akan diadakan di sini (Malaysia).

Diberi tugas

"Melalui kerja lapangan, pelajar akan berbincah mengenai masalah alam sekitar dan ekologi hutan hujan tropika, selain mengkaji ciri-ciri hutan tropika serta meningkatkan pemahaman mereka berhubung usaha yang dilakukan untuk menjaga

alam semula jadi," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian ASEP Ke-7 2018 di Universiti Malaysia (UM), di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Madya Dr Ramzah Dambul; Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UM, Prof Dr Faisal Rafiq Mahamad Adikan dan Men-

teri Kaunselor, Kedutaan Jepun di Malaysia, Hiroyuki Orikasa.

Pada program berkenaan, peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dari pelbagai negara dan diberikan tugasan tertentu untuk disiapkan.

Promosi UM

Tugasan itu sekali gus memberi peluang kepada mereka berinteraksi secara intelektual bagi menye-

lesaikan isu alam sekitar.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang lima hari itu adalah berbincang bersama pakar penyelidik alam sekitar, penanaman pokok, kerja lapangan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), melalui kawasan bakau dan kampung budaya serta membuat pembentangan.

Sementara itu, Dr Faisal Rafiq, berkata pengan-

juran ASEP di UM sebagai tuan rumah dapat mempromosi UM dan Malaysia di pentas antarabangsa.

"Selain menyedikan kemudahan seperti pengangkutan dan penginapan yang ditaja Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun untuk pelajar, kampus UM juga sentiasa terbuka untuk peserta melawat tempat menarik seperti Rimba Ilmu dan peternakan ikan," katanya.

ASEP Programme 2018 Tree Planting

Tourism Selangor dan AEON kerjasama pelihara alam sekitar

OLEH SHEEDA FATHIL

KUALA SELANGOR - Tourism Selangor dan Yayasan Persekitaran AEON bekerjasama menganjurkan program '7th Asean Student Environment (ASEP) Programme 2018 Tree Planting', di Tanjung Beluntas, baru-baru ini.

Program yang berlangsung lima hari bermula 1 Ogos itu melibatkan 72 pelajar universiti daripada sembilan negara bertujuan menyemai tabiat baik terutama dalam kalangan golongan muda untuk memelihara alam sekitar.

Antara universiti mengambil bahagian adalah Universiti Malaysia, Universiti Waseda Jepun, Royal University of Phnom Penh Kemboja, Universiti Tsinghua China, Universiti Korea, Universiti Kebangsaan Vietnam, Universiti Indonesia, Universiti Ekonomi Yangon Myanmar dan Universiti Chulalongkorn Thailand.

Menurus program ASEP, Yayasan AEON berfungsinya membangunkan sumber manusia yang aktif dengan perspektif

global dalam bidang alam sekitar dan meletakkannya sebagai projek penting. Pelajar akan berkenaan kepeltabaganan biologi melalui aktiviti penanaman pokok bertujuan mendapatkan habitat pembiakan kelip-kelip.

Sebanyak 200 spesies pokok ditanam seperti 'Metroxylon Sago', 'Bridelia Tormentosa' dan 'Ficus Hispida' iaitu antara spesies dipilih untuk pemulihan kelip-kelip, sekitar Tanjung Beluntas.

Pada masa sama, pelajar juga dapat mengkaji ciri dan peranan hutan hujan tropika, sekali gus mewujudkan cadangan berkenaan 'Bersama-sama dengan Hutan Hujan Tropika, Penggantian kepada Generasi Seterusnya'.

Sehingga kini, AEON sudah menanam lebih daripada 1,000 pokok di Kuala Selangor dan ia menjadikan spesies kelip-kelip semakin berkembang serta



Sebahagian peserta yang terabit dengan program '7th Asean Student Environment (ASEP) Programme 2018 Tree Planting', di Tanjung Beluntas

terlindung.

Terdahulu, Yayasan AEON sudah menanam lebih 60,000 pokok, di Paya Indah Wetlands, sekitar 2004 hingga 2009.

Selain itu, sudah 8,000 penanaman semula pokok dilakukan

bertujuan mengelakkan hutan dataran tropika dimusnahkan oleh pembuangan perlimbangan, di Bidor, Perak, sejak 2004.

Yayasan AEON juga akan terus bergerak secara proak-

tif dalam kegiatan memelihara alam sekitar termasuk pendidikan alam sekitar untuk menyampaikan keindahan alam semesta yang penuh dengan kehidupan kepada generasi akan datang.

MR.D.I.Y贊助 校園環保創意賽落幕



Tun Perak国民中学夺得“自己动手做”校园环保创意活动首奖。奖金是4500令吉以及MR. D.I.Y.价值1000令吉礼券。

由水环境基金会举办的“第七届亚洲学生环境论坛”(ASEP)日前在马来西亚大学举行开幕礼。这项为期5天的论坛吸引了来自6个国家的72名大学生在马来西亚实地考察及学习生物多样性保护。

参与活动的学生来自日本早稻田大学、中国清华大学、韩国高丽大学、越南河内国家大学、柬埔寨金边皇家大学、印尼大学、泰国拉玛拉功大学、缅甸经济大学及我国的马来大学。

这场从8月1日进行至5日的论坛，以“热带雨林之恩赐”为主题，旨在培育年轻未来环境保护与建设重任的环境保护人

才。日本水环境基金会执行董事林直树表示，此于2012年启动的活动，从3个国家参与开始，每年增加参与国，来自缅甸的大学生今年首次加入论坛，使参与国达9个。

活动期间，学生将到访巴生湿地公园、公园、马来商业森林研究院、玛里里文化村、凯利岛、红树林区，进行植树活动以保护萤火虫繁殖地等。出席开幕礼的有马六甲副总理拉惹沙拉斐博士、日本驻马大使馆参赞折笠忠雄，以及建康、科学、工艺、气候变化与环境部科技、工艺及革新副部长拉惹穆拉斐博士。(JM)

电 www.aeon.info/cn/

參與者學習生物保護
亞洲學生環境論壇



参与“第七届亚洲学生环境论坛”的各国学生、教师与嘉宾的合影。

MR. D.I.Y.赞助、UMCares主办的第二届“DIY Made Simple 2018—Rock your School with DIY”自己动手做校园环保创意活动，于日前举行闭幕及颁奖礼。

这项活动获得马来西亚大学、教育部等单位的合作，第一阶段活动共有47间中学参与，最终只有8间学校进入决赛圈。第一和第二阶段活动的日期分别是7月16至31日以及8月1日至10月5日。参与的学校派出学生小组参赛，参与过程概括构思、创作、收集环保材料，以及在导师的指导下发挥创意，自己动手做。

冠军得主是雪州万挠的SMK Tun Perak，而亚军、季军及殿军得主分别是登嘉楼SMK Agama Nurul Itifaq、大山脚SMK Alma、八打灵再也SMK Bandar Utama Damansara 3。出席颁奖仪式者包括MR. D.I.Y. Trading销售主管陈冠桂、UMCares总监诺朱拉妮教授及马大副校长拿督阿都拉欣。(GL)

MR D.I.Y 贊助環保賽 敦霹靂國中奪冠

《商隆坡訊》MR. D.I.Y.贊助的馬來西亞《SM》與社區中心相輔性環境

UMCares主辦的“DIY Made Simple—Rock Your School with DIY”舉辦閉幕典



礼。比赛从今年5月开始，获得47间学校参加。来自雪州万挠的敦霹靂国民中学成功在决赛圈中脱颖而出，夺得4500令吉现金、价值1000令吉的MR. D.I.Y.礼券、文具和奖杯。

比赛目的是提高环保意识，让参与善用再循环物品进行设计制作有创意的产品，以加强校园环境建设和基础设施。比赛分两个组别，全国中学组和教师技术教育学院 (ITEKPT) 的实习老师参与。

比赛透过影像记录的方式呈现，参赛者需在导师的指导下制作。导师阵容由马大的自然建筑学院讲师组成，并由ITEKPT讲师从旁协助。除了鼓励创意和创新思考，比赛也提升技能，如沟通、团队合作和领导技能。

今年，MR. D.I.Y.贸易有限公司第二年赞助此活动，也获得敦霹靂国民中学基金会的赞助。冠军和季军得主分别获得3500和2500令吉，亚军获得500令吉，还有价值1000令吉的MR. D.I.Y.礼券、文具和奖杯。

▲获得冠军的敦霹靂国民中学队伍与主办单位合照。

Mr.D.I.Y.加強環保意識 贊助校園環保創意賽



■所有得獎的學生代表，在頒獎典禮後開心合照。

由Mr.D.I.Y.贊助，UMCares主辦的“DIY Made Simple 2018—Rock Your School with DIY”校園環保創意賽，已于日前舉行閉幕和頒獎典禮。

這項活動獲得馬來亞大學和教育部的合作，從5月份即開始利用再循環物品進行設計競賽，是為了加強校園環境和基礎設施。

該比賽分為兩個類別，即分別公開給全馬的中學生參加，以及師訓技術教育學院（IPGKPT）的實習老師參與。這項活動的特別之處在於透過影像紀錄的方式呈獻創意並融合文化設計，參賽者在導師的領導下創作出原型產品。

導師陣容由馬來亞大學的自然建築學院講師組成，並由IPGKPT講師從旁協助。

今年是Mr.D.I.Y貿易有限公司第二年贊助此活動，並獲得全馬共47所學府的正面回應。在評判團進行篩選後，僅8所學府進入第二輪比賽。比賽也獲得敦胡先翁教師基金會的資助。

除了鼓勵創意和創新思考，這項活動也提升軟技能，如溝通、團隊合作和領導技能。該比賽也證明了政府和大學、行業和社群的四方合作，能在各方的努力下緊密配合。

（LPP）

網站：www.mrdiy.com.my



Selami budaya Sepanyol menerusi tarian flamenco

RENTAK
kampus

FLAMENCO adalah salah satu bentuk tarian dari negara Sepanyol yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu gerakan, gait, dan lagu dan seni tarian.

Flamenco berasal dari wilayah selatan Sepanyol tetapi diingapirahiti oleh komuniti gipsi dari daerah selatan Amerika Tengah dan Latin serta Timur Tengah.

"Harapan untuk meneropong nilai budaya Sepanyol yang tinggi, seni tarian flamenco ini masih dihidupkan dengan semangat yang tinggi," kata Dr. Miris Nafiatul Mazlan.

"Kami mengambil inisiatif untuk memperkenalkan budaya Sepanyol kepada pelajar melalui tarian flamenco, kerana tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol," kata Dr. Miris Nafiatul Mazlan.

Flamenco adalah Program Bahasa Sepanyol di Universiti Malaya. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan budaya Sepanyol kepada pelajar melalui tarian flamenco.

Sepanyol, Universiti Malaya (UM) serta Presiden Pertubuhan UMS-CUE dan Pengarah Bahasa Sepanyol Malaysia (APBSM).

Menyentuh mengenai tarian flamenco yang dibawa ke Universiti Malaya, Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

berjaya kerana ia adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

yang tinggi kepada seni tarian flamenco, kerana ia adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

2018 yang berhasrat melahirkan lebih ramai pelajar yang mampu menguasai lebih daripada satu bahasa selain daripada bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol.

"Aktiviti kebudayaan seperti ini diharapkan dapat memupuk minat pelajar untuk mempelajari bahasa Sepanyol," kata Dr. Miris Nafiatul Mazlan.

Pada program yang diadakan di Pusat Bahasa Sepanyol, Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan berkata, tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

Dr. Miris Nafiatul Mazlan, Dr. Miris Nafiatul Mazlan dan Dr. Miris Nafiatul Mazlan bersama-sama dengan pelajar-pelajar yang menghadiri kelas tarian flamenco di Universiti Malaya, Kuala Lumpur hari ini.

HARIAN MENTOR
KEDAH 9 JULAI 2018

MALAYSIA 1. KES



'UNIK DAN MENARIK'

Peserta turut disediakan beberapa perkataan Sepanyol seperti bilangan nombor dan berkaitan langkah tari

DR. MIRIS NAFIATUL MAZLAN
Dr. Miris Nafiatul Mazlan adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

DR. MIRIS NAFIATUL MAZLAN
Dr. Miris Nafiatul Mazlan adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

DR. MIRIS NAFIATUL MAZLAN
Dr. Miris Nafiatul Mazlan adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.

ANALISA
Analisa adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol. Tarian flamenco ini adalah salah satu bentuk tarian yang paling terkenal di Sepanyol.



Libatsama Stakeholder *Ke Arah Pengembangan Projek Komuniti Berdaya Saing*

Cuba kita imbas, bagaimana sebuah projek komuniti dapat dimulakan? Menerokai beberapa projek komuniti yang dijalankan, bagaimana hanya dengan bermula sebagai sembang ‘kedai kopi’, seseorang itu dapat mengemukakan idea serta meyakinkan sesebuah komuniti untuk bersama-samanya melaksanakan projek untuk kebaikan komuniti terbabit. Lebih membanggakan, projek komuniti ini seterusnya mendapat sambutan dan sokongan penuh seluruh komuniti setempat.

Hakikatnya, kejayaan sesebuah projek komuniti bukan hanya terletak kepada output sesuatu penyelidikan dalam gedung universiti. Akan tetapi, ia perlu dilaksanakan secara kolaboratif oleh semua pihak berkepentingan atau stakeholder yang terlibat dalam usaha membangunkan sesebuah komuniti. Libatsama stakeholder sangat penting dalam menghubungkan penyelidik dengan komuniti. Dalam proses pengembangan sesebuah projek komuniti, pengaruh stakeholder terhadap nilai, kepercayaan, dasar, pembuat keputusan dan pengurusan organisasi mempunyai impak besar terhadap kejayaan sesuatu projek komuniti.

Berikut beberapa aspek yang perlu diberi perhatian dan dipertimbangkan dalam mewujudkan penglibatan stakeholder bagi memastikan sesuatu program komuniti dilaksanakan dengan jayanya:

i. Kenalpasti Isu dan Permasalahan dalam Komuniti. Setiap komuniti mempunyai isu dan permasalahan yang berbeza. Walaupun pada zahirnya tampak sama, namun hakikat sebenar isu dan permasalahan itu berbeza dalam konteks komuniti itu sendiri. Oleh itu, usaha untuk mengenalpasti akar umbi sesuatu permasalahan dalam komuniti akan memudahkan jalinan dengan stakeholder. Setelah mengetahui punca permasalahan yang wujud, penyelidik perlu mengesan dan mengenalpasti stakeholder yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membangunkan komuniti terbabit. Ketidaksepadanan stakeholder yang terlibat dengan sesebuah komuniti akan menimbulkan pelbagai permasalahan semasa pelaksanaan projek komuniti. Tambah merumitkan, stakeholder yang dipilih tidak mempunyai kepentingan ke atas komuniti tersebut.

ii. Tingkatkan Pemahaman dan Pengetahuan. Dalam usaha mewujudkan jalinan stakeholder, adalah sangat penting bagi penyelidik untuk mempertingkatkan pemahaman serta pengetahuan tentang projek yang ingin dijalankan dan komuniti yang disasarkan. Pemahaman yang mendalam terhadap projek komuniti yang ingin dilaksanakan akan membolehkan penyelidik mengubahsuai dan mengadaptasi sumber persekitaran dalam komuniti selari dengan projek yang akan dijalankan. Selain itu, pengetahuan tentang keperluan, kehendak, nilai dan budaya dalam komuniti juga penting semasa proses menjalin hubungan dengan komuniti. Pemahaman yang tinggi memudahkan penyelidik merealisasikan matlamat serta objektif projek ke arah membangunkan komuniti setempat. Asas pemahaman dan pengetahuan ini menjelmakan komitmen dan semangat yang tinggi di kalangan penyelidik dan seterusnya memberi keyakinan kepada pihak komuniti untuk terus memberi sokongan terhadap program yang dijalankan.

iii. Kebolehan Meyakinkan Stakeholder. Jalinan hubungan baik dengan stakeholder bergantung kepada kebolehan penyelidik untuk meyakinkan kebolehlaksanaan sesuatu projek yang bakal dilaksanakan dan impaknya kepada komuniti setempat. Proses libatsama stakeholder bermula dengan membina kepercayaan pihak stakeholder dan seterusnya menyakinkan tentang projek komuniti yang bakal dijalankan akan memberi manfaat kepada seluruh komuniti terlibat. Kebolehan penyelidik untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya pihak stakeholder serta komuniti akan melestarikan projek dalam jangka panjang. Stakeholder perlu diyakinkan bahawa projek atau program yang dijalankan bukan untuk kepentingan peribadi, berunsur politik atau sekadar memenuhi aspirasi organisasi atau individu tertentu, tetapi menyelesaikan masalah komuniti dan seterusnya membangunkan komuniti berdaya saing.

iv. Kemahiran Komunikasi. Elemen komunikasi amat penting dalam usaha menjalinkan hubungan yang baik dengan stakeholder. Komunikasi yang berkesan menjamin persefahaman antara penyelidik dengan stakeholder. Penyelidik perlu memberi peluang serta ruang kepada stakeholder dan komuniti untuk melibatkan diri secara aktif dalam semua aktiviti yang dirancang. Di awal proses libatsama stakeholder, penjelasan tentang halatuju, matlamat dan objektif perlu digariskan dengan tepat dan jelas bagi semua pihak yang terlibat.

v. Keterlibatan Stakeholder dalam Projek Komuniti. Usaha menyemai rasa kekitaan adalah salah satu elemen yang perlu ditekankan semasa melaksanakan projek komuniti. Keterlibatan stakeholder secara langsung dalam projek komuniti adalah penting dalam proses untuk mewujudkan rasa kekitaan ini. Ini kerana ia akan mempengaruhi jalinan kerjasama dan seterusnya membantu penyusunan program dan projek yang bakal dijalankan. Keterlibatan stakeholder dan komuniti perlu dipergiatkan menerusi penerangan dan promosi sehingga wujud rasa kekitaan dan diyakini bahawa 'matlamat dikongsi bersama' di kalangan stakeholder. Ini bermakna bahawa kejayaan dan kegagalan sesuatu program itu adalah tanggungjawab bersama.

vi. Menghargai Stakeholder dan Komuniti. Penghargaan dan pengiktirafan atas usaha dan komitmen yang diberikan oleh pihak stakeholder dan komuniti adalah asas yang sering dilupakan oleh penyelidik semasa menjalinkan hubungan dengan stakeholder. Penghargaan dan pengiktirafan boleh dalam pelbagai bentuk, contohnya liputan media massa, sijil penghargaan atau majlis khas untuk menghargai usaha stakeholder dan komuniti yang menayakan projek komuniti yang diusahakan.

Ringkasnya, hasil jalinan kerjasama stakeholder dan komuniti yang mantap dapat meningkatkan hubungan kerja yang produktif, mempromosikan tanggungjawab bersama komuniti dan stakeholder serta membentuk kesepakatan misi dan visi sesebuah projek atau program komuniti. Adalah menjadi harapan besar setiap komuniti agar jalinan kerjasama positif bersama penyelidik dan stakeholder memberikan impak yang menyeluruh kepada komuniti terbabit.




Artikel ini ditulis oleh Dr. Mohd Nazri Hj, Abdul Rahman, Pensyarah dari Fakulti Pendidikan, UM. Penglibatan aktif di dalam menjalankan projek komuniti khususnya berkaitan Orang Asal di Sabah telah melayakkan beliau untuk menerima Anugerah Cemerlang UM (Kategori Jalinan Masyarakat).





Lensa : Gambar Kandid

9







Lensa : UM Tropical Camp

10








UMCares -
Pusat Komuniti & Kelestarian
Tingkat 6, Kompleks Pengurusan
Penyelidikan & Inovasi,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur
www.umcares.um.edu.my

ISSN 2636-9648



Kekerapan buletin dua (2) kali setahun.

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.